



# KENYATAAN TENDER

## (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

### CADANGAN KERJA-KERJA PEMBINAAN LALUAN IT DUCTING DAN PEMASANGAN FIBER OPTIK RANGKAIAN PUTRANET SERTA PEMBINAAN SATU (1) UNIT OUTDOOR MULTI MEDIA GATEWAY DI PRESINT 5, 14, 17 DAN 19, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (NO. TENDER: PPj/T/JK/36/2022)

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<b>Gred : G4</b> <b>Kategori : CE</b> <b>Pengkhususan : CE21 &amp; CE31</b> <b>Dan</b> <b>Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk Taraf Bumiputera</b>	<b>13 Julai 2022 (Rabu)</b> <b>10.00 pagi</b> <b>Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>	<b>13 Julai 2022 (Rabu)</b> <b>sehingga</b> <b>25 Julai 2022 (Isnin)</b> <b>Kaunter Jualan Tender/ Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>	<b>Ringgit Malaysia RM300.00</b> <b>(Tidak Dikembalikan)</b> <b>Tunai/Draf Bank</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b>	<b>2 Ogos 2022 (Selasa)</b> <b>12.00 tengah hari</b> <b>Kaunter Jualan Tender/ Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM200,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **13 Julai 2022 (Rabu), 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **PEMILIK SYARIKAT (SEBAGAIMANA NAMA DI DALAM SIJIL SSM/BORANG 9,24, & 49)** adalah **DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama **Sijil Asal dan Cop Syarikat**) dan Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**. Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
7. Tender ini akan ditutup pada **2 Ogos 2022** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.